

CNS3772

U GB 13-03 00176 BA112

Bah

Mahathir - Polis

(Embargo: Untuk Siaran Selepas Jam 0001, 14 Mac)

-----

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penegasan Polis Diraja Malaysia kepada disiplin adalah selaras dengan keazaman pasukan itu untuk membuktikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.

Dalam perutusan khas sempena Hari Polis kali ke-184, Perdana Menteri berkata tema perayaan itu +Berdisiplin Di Bawah Panji-panji Pasukan+ sesuai dengan keazaman itu.

Beliau berkata pasukan polis telah banyak menyumbang ke aras mewujudkan keamanan dan ketenteraman negara.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin para pegawai dan anggota pasukan itu akan terus berusaha mengekalkan prestasi dan kecemerlangan dalam melaksanakan falsafah tema perayaan itu serta menghadapi dekad, 1990-an yang lebih mencabar.

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan anggota polis dan berharap mereka akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna demi keamanan dan ketenteraman negara.

Mereka diharap akan bekerja dengan lebih bersemangat dan gigih di bawah kibaran bendera polis yang baru dengan pengertiannya tersendiri itu. --  
Lagi.

♥13/03/14-52MST

CNS3773

U GB 13-03 00173 BA113

Bah

Mahathir - Polis 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Bendera itu akan dikibarkan buat kali pertamanya pada 15 Mac, selepas diserahkan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah kepada Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Haniff Omar.

Dalam perutusannya pula, Tan Sri Hanif berkata cogan kata perayaan Hari Polis itu memperlihatkan keazaman pasukan untuk terus mempertingkatkan disiplin pada semua peringkat dalam usaha melahirkan barisan pegawai dan anggota yang bermutu tinggi.

Beliau berkata Polis sangat berbangga dengan kerjasama, sokongan dan keyakinan yang ditunjukkan oleh rakyat kepada pasukan itu dalam usaha mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kestabilan negara.

+Saya juga berharap anggota masyarakat akan terus memantapkan hubungan dan persefahaman yang telah kita bina bersama itu untuk memudahkan lagi pelaksanaan tugas terutamanya untuk membasmi jenayah, memelihara kestabilan dan menumpaskan anasir yang bertujuan jahat,+ katanya.

Tan Sri Hanif menambah Polis juga berazam akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, adil, saksama dan berdisiplin, selaras dengan tema perayaan tahun ini serta menegakkan kedaulatan undang-undang.

Beliau berkata, buat kali pertamanya sambutan perayaan Hari Polis peringkat kebangsaan pada tahun ini diadakan di Kota Kinabalu dengan matlamat untuk mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman Polis dengan semua peringkat masyarakat.

Tan Sri Hanif menjelaskan, acara sambutan perayaan itu pada tahun ini diadakan lebih awal iaitu mulai 11 hingga 16 Mac kerana hari ulang tahun penubuhan pasukan itu iaitu 25 Mac jatuh pada bulan puasa. -- Bernama.

♥13/03/14-54MST